


## WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## *K A N D U N G A N :*

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dolah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63

Talipon: Seremban 72421 & 72311.  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.

فچابهه متری بسر  
نکری سمبیان.

No. Fail MBNS. 1.09



MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—————: ★ : —————

Tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Per-satuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "fuz adi," which is likely the signature of Dato' Rais Yatim.

DATO' RAIS YATIM  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



Persekutuan Negeri Sembilan

# PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

## SERPIHAN RASA

— : 0 : —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD.ISA DATO'HJ.AD.SAMAD PMC)  
Pengerusi  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

## RENCANA PENGARANG


————— : ★ : —————

Buat sekian kalinya ‘Warisan’ telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.

Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminalat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin menucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakri  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jelebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

————— : ★ : —————

<i>Pengerusi</i>	:	En. Hashim bin Jasa, AMN.
<i>Setiausaha</i>	:	En. Ramthan bin Hj. Maarof
<i>Pen. Setiausaha</i>	:	En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Ahli Jawatankuasa</i>	:	Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PJK. En. Abd Hamid bin Idris En. Mustafa bin Hj. Sharif En. Mohd. Hisa bin Tahat En. Tan Ghee Peng, AMN. En. Ahmad bin Sihat En. Mazlan bin Abdullah En. Ibrahim bin Mustafa Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK. Puan Aishah bte Md. Sharif Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

————— : ★ : —————

<i>Pengarang</i>	:	En. Mazlan bin Abdullah (Ketua) En. Ibrahim bin Mustafa En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Rekabentuk</i>	:	En. Abd. Hamid bin Idris
<i>Kewangan &amp; Pemasaran</i>	:	En. Tan Ghee Peng, AMN. Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.

# **"SEJARAH RINGKAS KEDATANGAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DAN ADAT PERPATIH KE NEGERI SEMBILAN".**

**(OLEH IBRAHIM BIN MUSTAPPA)**

---



## **Pengenalan**

Untuk mengetahui sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan kita tidak dapat lari daripada mengkaji kedatangan-kedatangan peneroka-peneroka Minangkabau, kerana penyerapan adat itu ke dalam masyarakat di sini adalah selaras dengan kedatangan peneroka tersebut.

Tujuan kedatangan mereka itu tidak lain daripada membuat kampung halaman sahaja. Kebetulan pula mereka telah diterima oleh ketua-ketua penduduk asli tempatan dengan baik dan telah melakukan 'persemedaan' (1) antara kedua belah pihak.

## **Kedatangan Peneroka dari Minaigkabau**

Terlalu banyak pendapat mengenai tarikh kedatangan peneroka dari Minangkabau itu. Merujuk pada seorang sejarawan Barat bernama Newbolt, mengagakkan kira-kira bermula dalam pertengahan Kurun Masihi XIV. (2) Jika anggaran tarikh itu boleh diterima nyatahlah bahawa masa itu sezaman dengan Kerajaan Melayu Melaka mula-mula dibuka.

Dalam kata perbilangan adat ada menyebutkan; "Gagak hitam gagak senoi turun dari bukit berkaki empat. gagak putih datang dari laut berkepak sayap". (3)

Pendek kata kedatangan peneroka-peneroka itu adalah ibarat "suluh pelita" menerangi wilayah-wilayah yang didiami kerana cara hidup penduduk tempatan waktu itu dijangka amat sederhana walaupun mereka sudah sedia hidup berkampung halaman, bercucuk tanam dan berketaukan seorang Penghulu. Manakala peneroka-peneroka dari Minangkabau itu yang datang ke sini adalah daripada kumpulan mereka yang mengamalkan satu peradaban susunan Neneh Perpatih Nan Sebatang. (4)

- 
- (1) Persemedaan di sini dimaksudkan: "orang yang datang lalu tinggal menetap di sini kerana ada hubungan menerusi perkahwinan dengan anak tempatan di Negeri Sembilan ini. Umpamanya, seorang lelaki luar daerah atau luar mukim datang mengahwini anak perempuan satu-satu mukim atau daerah lain dalam Negeri Sembilan juga, maka orang yang datang itu dikatakan orang semenda. Perkara itu dinamakan persemedaan".
  - (2) Dipetik dari "Sejarah Adat Istiadat Rembau", karangan Abbas Haji Ali.  
- Kuala Lumpur. 1964.
  - (3) Keadaan penduduk tempatan masa itu dibandingkan dengan gagak hitam gagak senoi, manakala peneroka itu dikiaskan pula seperti gagak putih datang mendarat dengan perahu layar. Tidak syak lagi cara hidup mereka yang datang itu adalah lebih tinggi daripada mereka yang menanti".
  - (4) Nan Sebatang dimaksudkan satu atau satu keturunan yang sama dari Datuk Perpatih saja.

Kedatangan mereka pula tidak serentak melainkan berperingkat-peringkat dengan rombongan masing-masing melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai lain di pesisiran Selat Melaka masuk ke daerah-daerah pendalaman lalu mendapatkan penghulu-penghulu tempatan yang telah sedia membuat kediaman di situ.

Mereka tidak begitu tertarik diam di tepi-tepi pantai sebab mereka itu kaum tani yang biasa hidup bersawah dan ladang. Tambahan pula undang-undang peraturan Adat Perpatih yang menjadi dasar hidup mereka di tanah Minangkabau sendiri adalah berkembang di kawasan kampung-kampung pendalaman, seperti kata adat, "Kampung nan bersudut, sawah nan berjenjang, pucuk nan meliuk, pinang nan berjejer, adat pusaka diadakan". (5)

Apabila mereka sampai di sesuatu tempat, ketua rombongan mereka telah berjumpa terlebih dahulu dengan Datuk Penghulu tempatan meminta kebenaran membuat tempat kediaman.

Di Rembau, menurut C.W.C. Farr & W.H. Mackery dalam Sejarah Perlembagaan Adat Istiadat Rembau, (6) rombongan yang mula-mula datang itu diketuai oleh Tok Lela Balang dari Kampung Paya Bidara Minangkabau. Mereka mengikut Sungai Linggi, mudik ke Sungai Rembau. Sampai di Kampung Kota, beliau berjumpa Batin atau Bendahara Sekudai, (7) Penghulu Suku Biduanda yang berkuasa ketika itu.

Tok Lela Balang diambil oleh Batin Sekudai tadi lalu dijadikannya menantu iaitu dikahwinkan dengan anaknya bernama Bungkal. Itulah asal keturunan Lela Maharaja yang mewarisi pesaka Undang Rembau.

- 
- (5) Ungkapan tersebut bermaksud orang Adat Perpatih ini walaupun ke mana mereka pergi sedikit sebanyak mereka mesti memerlukan sedikit sawah, ada kampung halaman, dapat bercucuk tanam dan sedikit tanaman pinang kegunaan buat pagar kampung dan buah pinang untuk sirih-menirih. Dengan itu barulah adat dapat ditegakkan".
  - (6) Abbas Hj. Ali, "*Rembau, Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat*" Kuala Lumpur, 1953, hal.4-5.
  - (7) Di antara kajian-kajian khusus tentang Bendahara atau Batin Sekudai telah dibuat oleh R.J. Wilkinson pada tahun 1911, "Notes on the Negeri Sembilan", *PMS*, K. Lumpur, 1871, m.s. 287-289 dan juga oleh R.O. Winstedt pada tahun 1932, "A History of Johore (1365-1895 A.D.)", *JMBRAS*, Vol. 10, Pt.3, Disember 1932 m.s. 135-146.

Karya-karya lain secara umum, lihat *Sejarah Melayu*, Singapura 1957. D.F.A. Hervey, "Rembau", *JSBRAS*, No. 13, June 1884; M. Lister, "The Negeri Sembilan", *JSBRAS*, No. 19, 1887; R.N. Bland, "Aturan Sungai Ujung", *JSBRAS*, No. 28, August 1895; C.W.C. Farr & W.H. Mackery, "Rembau", *JSBRAS*, No. 56, 1910; J.E. Nathan and R.O. Winstedt, "Johol, Inas Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir and Terachi: Their History and Constitution", dalam *PMS*, K. Lumpur, 1971; A. Caldecott, "Jelebu: Its History and Constitution", dalam *PMS*, K. Lumpur, 1971; J.M. Gullick, "Sungai Ujung", *JMBRAS*, Vol. 22, pt.2, 1949 dan Abdul Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, K. Lumpur, 1968.

Tidak lama selepas itu datang pula adik kepada Datuk Lela Balang bernama Tok Laut Dalam bersama dengan isterinya seorang Jawa. Tok Laut Dalam telah pergi mengadap ke Johor kerana masa itu Rembau di bawah naungan Raja Johor. Oleh kerana Raja Johor dikatakan keturunan Tok Laut Dalam, maka Tok Laut Dalam telah diberi kuasa mewarisi pesaka Undang Rembau bergelar Sedia Raja.

Kemudian datang pula beberapa angkatan lagi, masing-masing diberi tempat meneroka sawah bendang dan kampung di merata-rata tempat sekitar Rembau. Mereka melantik ketuanya memerintah kampung-kampung itu dengan gelaran masing-masing yang disebut Datuk Lembaga.

Kampung-kampung yang dibuka itu diberi nama mengikut tempat asal mereka di Minangkabau dan itulah yang disebut SUKU (8) sekarang ini.

Ketua-ketua suku itu memerintah mengikut cara susunan Datuk Perpatih iaitu cara hidup yang sedia mereka amalkan di kampung asal mereka. berlunaskan kata-kata perbilangan susunan masyarakat gotong-royong.

Perlantikan seseorang ketua mesti pula diperkenankan oleh para "Lembaga", dari suku-suku yang bersekutu dalam luak. (9) Para Lembaga digelar Datuk-Datuk Lembaga dan suku-suku yang bersekutu ada 12 kesemuanya terdiri dari suku-suku seperti berikut: (10)

1. Biduanda (Dondo) atau Waris (Wareh).
2. Paya Kumbuh (Payu Kumbuh).
3. Batu Hampar (Tu-ampar).
4. Mungkal.
5. Tiga Nenek (Tigo Nenek).
6. Seri Melenggang (Somolenggang).
7. Seri Lemak (Solomak).
8. Batu Belang (Tu-Bolang).
9. Tanah Datar (Tolatar).
10. Anak Aceh (Nak-ceh).
11. Anak Melaka (Nak-Molako).
12. Tiga Batu (Tigo Batu).

---

(8) SUKU itu dimaksudkan dengan puak atau kelompok yang mengikut satu keturunan yang sama. Umpamanya, jika mereka datang dari Payakumbuh, maka kampung yang mereka teroka itu diberi nama Suku Payakumbuh. dan demikianlah dengan suku-suku yang lain.

(9) 'Luak' disebut juga 'luhak' yang bererti kawasan atau daerah lingkungan yang diperintah oleh seseorang ketua iaitu Penghulu (sekarang ini Undang).

(10) Lihat Ibrahim Mustapa, "Jalur luak dan raja-rajanya", dalam Mastika, ke-luaran Disember, 1974.

Dalam pada itu terdapat juga beberapa pecahan nama daripada suku asal itu seperti Payakumbuh Pahang, Serimelenggang Naning, Anak Melaka, Batu Hampar Petani dan lain-lainnya. (11)

Ketua tiap-tiap suku dan peneroka-peneroka yang datang itu walaupun pada lahirnya mereka mengambil peranan penting membuka kampung-kampung tersebut, mereka tidak pernah menunjukkan sesuatu yang kurang baik terhadap suku Biduanda Waris yang berkuasa di satu-satu wilayah. Mereka patuh dengan kata-kata, “dimana ranting dipatah di situ air disauk, dimana bumi dipijak di situ langit dijunjung”.

Apabila negeri telah mula dibuka, pentadbiran adat pun didirikan dan hak masing-masing ditentukan seperti kata perbilangannya:

“Alam Beraja, luak Berpenghulu,  
Suku bertua (berlembaga), anak buah berbuapak (beribu bapa).  
Orang semenda bertempat semenda,  
Dagang bertempatan, perahu bertambatan.”

Begitu juga lebih kurang dengan asimilasi kemasukan adat itu di daerah-daerah lain seperti Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Luak-luak Tanah Mengandung di Seri Menanti. (12)

Pendek kata penyerapan Adat Perpatih itu makin lama beransur luas sehingga menjadi peradaban tempatan. Mungkin ada juga disebabkan oleh peristiwa-peristiwa tekanan pengaruh kekuasaan Portugis dan Belanda dari Melaka, kekacauan yang dibangkitkan oleh anak-anak Raja Bugis dan oleh kerana penguasaan pihak yang kuat kepada pihak yang lemah di kalangan datuk-datuk Penghulu itu sendiri.

Kerana adanya unsur-unsur peristiwa tersebut, datuk datuk itu terpaksa lah menyusun masyarakat menyatukan tenaga dengan datuk-datuk lain yang berhampiran untuk mempertahankan kedaulatan mereka di wilayah masing-masing. Jadi wilayah-wilayah kecil itu semakin hari semakin besar hingga terdiri Kerajaan Adat Perpatih.

Apabila Kerajaan telah terbina maka sekala yang berhubung dengan pentadbiran, jenayah, pergaduhan dan perkelahian, dijalankan penyelesaian berdasarkan kata-kata adat seperti: (13)

- 
- (11) “Nama-nama yang dihubungkan itu mempunyai kaitannya dengan peneroka asal yang membuka kampung itu pada mulanya”.
  - (12) Temuramah dengan Dato’ Syed Alwi (bergelar Dato’ Ombi Jelebu), pada 17.9.78. Katanya semasa kuasa Barat campur tangan dahulu Negeri Sembilan tinggal 5 luak saja. Naning keluar ke Melaka, Segamat ke Johor, Kelang ke Selangor dan Ulu Pahang ke Pahang. Untuk mencukupkan 9 supaya kekal telah dicipta nama 4 daerah yang dibuka oleh peneroka yang kemudian sebagai luak Ulu Muar. Terachi Jempul dan Gunung Pasir yang sekarang ini dikenali ‘Luak Tanah Mengandung’ di bawah naungan Yang Di Pertuan Besar, sebagai kumpulan yang terlibat ke Seri Menanti”.
  - (13) Kata-kata adat seperti itu terdapat dalam Perlembagaan Adat Perpatih tersimpan di semua Balai Undang. Penulis telah merujuk pada naskah di Balai Undang Luak Jelebu.

Nan kusut diselesaikan, yang keruh dijernihkan,  
Cincang pampas (14) bunuh beri balas,  
Tebing tidak tegak sebelah,  
Kayu pemalu tidak patah. tanah tidak lembang, (15)  
Ular dipalu biar mati dan lain-lain lagi.

Dalam perkara pinang-mempinang, nikah kahwin hingga hal sampai kepada perceraian hidup atau mati, kata-kata sambaan atau kata-kata perbilangan dijadikan sebagai undang-undang.

Masyarakat Negeri Sembilan sama ada terdiri daripada orang tempatan, mereka yang mendarat atau keturunan kedua belah pihak, telah mengamalkan cara hidup yang sama berdasarkan prinsip-prinsip Datuk Perpatih. Dari itu telah terdiri sebuah Kerajaan Adat di wilayah atau luak itu. Datuk Penghulu atau Datuk Undang yang mengetuai tempat tersebut berkuasa penuh memerintah luaknya di bawah naungan kekuasaan Raja-raja Johor.

Menurut sumber dari "Negeri Sembilan dan Sejarahnya", (16) sebelum Negeri Sembilan mempunyai Raja negeri ini tertakluk di bawah naongan Raja Johor kerana Johor dalam kurun ke 16 adalah sebuah kerajaan yang besar setelah Sultan Mahmud dialahkan oleh Portugis pada tahun 1511 di Melaka.

Negeri Sembilan waktu itu belum bernama Negeri Sembilan tetapi pemerintahan di bawah tadbir ketua-ketua yang digelar Penghulu Luak yang kemudian dipanggil Undang. Tiap-tiap luak mempunyai kuasa sendiri memerintah luaknya yang dibantu oleh Datuk-datuk Lembaga dan Buapak, menurut sistem Adat Perpatih.

Penghulu luak diberi kuasa dengan cap mohornya oleh Sultan Johor. Oleh kerana Johor dalam keadaan huruhara kerana ancaman Portugis dari Melaka dan Aceh serta Bugis, maka Sultan Johor tidak berupaya mengamankan luak-luak yang di bawah naongannya di Negeri Sembilan itu. Tambahan pula dengan kedatangan orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja membuat huruhara di Negeri Sembilan dan memaksa orang-orang Negeri Sembilan supaya mengakui mereka sebagai raja.

Orang-orang Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau telah putus hubungan dengan Raja Johor dan lebih-lebih lagi telah ada perselisihan di antara sesama sendiri. Dari itu timbul hasrat mereka untuk menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung untuk dirajakan di Negeri Sembilan.

Hal ini berlanjutan sampai pada tahun 1773. apabila Raja Johor tidak dapat lagi menunaikan kewajipannya sebagai penaong kepada Kerajaan-kerajaan Adat Datuk-datuk Undang tersebut sedangkan kerajaan-kerajaan kecil itu sentiasa menerima acaman daripada anak-anak Raja Bugis yang membuat angkara di

---

(14) 'Pampas' itu dimaksudkan. "denda atau ganti rugi kerana melukai orang dan sebagainya".

(15) 'Tanah tidak lembang' ertinya 'tanah tidak lekuk atau berkesan'.

(16) Abdul Samad Idris. "Negeri Sembilan dan Sejarahnya". Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968. hal.20-21.

perairan Selat Melaka. Maka Datuk-datuk telah bermuafakat untuk menjemput Raja Melewar dari Pagar Ruyung untuk dijadikan ketua atau dipertuankan sebagai lambang penyatuhan kepada datuk-datuk itu.

Kedatangan Raja Melewar bukan bertujuan untuk mencampuri pemerintahan Kerajaan Adat di luak-luak itu. Pada mulanya ia menetap di Penajeh, Rembau. (17) Kemudian telah berpindah membuat istana di Seri Menanti lalu membentuk luak-luak tanah mengandung di situ.

Mengenai berbagai-bagai hal politik yang berlaku di Sungai Ujung, Rembau dan Jelebu di dalam membuat perjanjian dan persetiaan dengan Belanda dan Inggeris didapati luak-luak masing-masing dipertanggungjawabkan oleh Undang sendiri. Manakala Raja Yam Tuan di Seri Menanti tidak terlibat sama sekali. Demikian kata-kata adat berbunyi:

Beraja ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau.

Seri Menanti tanah mengandung, Rembau tanah kerjan.

Raja Melewar, walaupun ia bukan penganut Adat Perpatih di Minangkabau, tetapi adalah merupakan lambang keadilan kepada Kerajaan-kerajaan Adat yang menjemputnya.

Keadaan seumpama itu berlanjutan sampai pada tahun 1898 iaitu tarikh termetrinya perjanjian antara Yang di Pertuan Besar Seri Menanti dengan Datuk-datuk Undang yang Empat (18) yang diusahakan oleh Kerajaan British.

Perjanjian itu telah meluaskan lagi kekuasaan Yang di Pertuan kerana di dalamnya ada menyebutkan gelaran Yang di Pertuan Besar Seri Menanti bertukar menjadi Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Jika berbangkit perselisihan di antara Datuk-datuk Undang mengenai pemerintahan luak maka Yang di Pertuan Besar berkuasa mendamaikannya, tetapi Yang di Pertuan Besar tidak dikehendaki mencampuri hal pentadbiran dan politik di dalam luak masing-masing. Dalam perjanjian itu juga ada menyebutkan kekuasaan Undang menabalkan Yang di Pertuan Besar. (20)

Setelah mengetahui serba sedikit sejarah tersebarnya Adat Perpatih di Negeri Sembila, kita merujuk pula ke pangkal iaitu ke Alam Minangkabau, tanah tempat tumbuhnya adat ini.

---

(17) Sekarang ini Penajeh dikenali juga Penajis.

(18) Undang yang Empat itu terdiri dari Undang Sungai Ujung, Undang Jelebu, Undang Rembau dan Undang Johol.

(20) Temuramah dengan Y.B. Tuan Haji Ibrahim b. Haji Mansor pada 23.9.78. (Beliau ialah Exco Dewan Undangan Negeri Sembilan antara tahun 1959 hingga 1964). Keterangan beliau, "Sebelum termetrinya perjanjian 1898, Datuk-datuk luak masing-masing memangnya berkuasa di luaknya sendiri sepertimana kekuasaan mereka zaman bernaong ke Johor dahulu. Sungguhpun pada satu ketika ada terdapat gelaran Yam Tuan Muda di Rembau dan Yam Tuan di Jelebu tetapi kekuasaan pemerintahan luak-luak itu tidak diberikan kepada Yam Tuan-Yam Tuan itu bahkan kedaulatan Adat Perpatih tetap di tangan Datuk-datuk Undang".

Menurut cerita-cerita yang terdapat dalam Tambo-tambo Minangkabau, (21) sebelum adat susunan Datuk Perpatih tersebar, negeri itu telah memang sedia terdiri dengan penghulunya bernama Datuk Suri di Raja. Kemudian datang seorang anak Raja Hindu dari laut dengan memakai mahkota yang bercabang-cabang (22). Kedatangannya telah disambut dengan beriang-riang, kononnya itulah asal nama ‘Periangan’.

Dalam satu cerita lain pula kedatangan anak raja itu yang bernama Sang Sapurba yang tidak disukai. Oleh itu Datuk Suri di Raja telah menyambut dengan membuatkan sebuah balairong daripada kayu-kayu yang miang seperti jelatang, akar londong dan pulut-pulut.

Untuk mengelakkan supaya anak raja itu tidak akan berkuasa terus dengan sepenuhnya maka dilantik pula empat orang Penghulu iaitu Datuk Seri Maharaja, Datuk Maharaja Besar, Datuk Bendahara Kaya dan Datuk Sutan Maharaja Besar menjadi pembesar negeri Periangan Padang Panjang. Dengan itu, sebelum adanya Nenek Temenggung dan Perpatih nan Sabatang, Datuk datuk tersebut yang memerintah negeri itu.

Menurut ceritanya lagi anak raja Hindu Sang Sapurba itu telah berkahwin dengan saudara perempuan Datuk Suri di Raja yang bernama Puteri Indah Julita dan mendapat seorang anak lelaki dinamakan Sutan Paduka Basa yang kemudian bergelar Datuk Ketemanggungan.

Tidak beberapa lama kemudian Daulat Yang di Pertuan Sang Sapurba yakni ayahanda Datuk Temenggung pun mangkat. Datuk Suri di Raja telah mengahwinkan adiknya Puteri Indah Julita dengan Nenek Jati Bilang Pandai yang bergelar Indo Jati, seorang cerdik pandai tempat orang berguru. Beliau mendapat dua orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan.

Seorang dari anak lelaki itu bernama Sultan Balun (23) dan seorang bernama Sikaluk Duni. (24) Apabila telah besar kedua-duanya itu diberi kuasa memerintah bersama abang mereka Datuk Temenggung dan itu dikatakan Ratu nan Bertiga. Saudara yang seorang lagi itu diberi gelar Datuk Seri Maharaja memerintah Tanah Datar.

Bagaimana pun Datuk Perpatih dan Datuk Temenggung adalah dua bersaudara yang seibu tetapi berlainan bapa. Menurut ceritanya semasa kecil mereka selalu berselisih dan tidak bersefahaman. Oleh itu Datuk Perpatih akhirnya keluar merantau untuk mencari ilmu dan mencari pengalaman. Beliau belayar menyeberang laut berkeliling Selat Melaka sampai ke Siam, Ceylon (Sri Lanka) dan ke Benua China.

- 
- (21) “Ada 2 tambo Minangkabau yang selalu menjadi rujukan. Pertama, Tambo Minangkabau oleh Ahmad Dt. Batuah dan A. Dt. Madjoindo, dan satu lagi ialah dalam Mustiko Adat Minangkabau oleh Datue’ Sanggun di Raja”.
  - (22) Yang dimaksudkan mahkota yang bercabang itu, menurut kata-kata orang tua dikiaskan dengan kata “Rusa yang datang dari laut”.
  - (23) Dalam Tambo Minangkabau oleh Ahmad Dt. Batuah dan A. Dt. Madjoindo disebutkan bahawa Sultan Balun ialah bergelar Datuk Perpatih.
  - (24) Dalam Mustiko Adat Minangkabau oleh Datue’ Sanggun di Raja menyebutkan bahawa Sikaluk Duni yang bergelar Datuk Perpatih.

Berkenaan dengan empat orang saudara perempuan itu cuma yang bongsu bernama Gadis Jamilan diketahui sejarahnya. Beliau telah dikahwin dengan Aditiawarman, seorang menteri Raja Majapahit. Menurut riwayatnya, Aditiawarman dititahkan oleh Raja Majapahit turun ke Palembang dan Jambi untuk mencari jajahan takluk.

Sampai di Minangkabau. Datuk nan Bertiga. Temenggung, Perpatih dan Suri di Raja menerima mereka menjadi orang semenda dan berkahwin dengan Puteri Gadis Jamilan. (25)

Puteri Gadis Jamilan telah melahirkan seorang putera yang pada masa kecilnya sangat suka mandi di sungai. Oleh kerana takut disambar oleh buaya, maka sungai tempat mandi itu telah dipagar kelilingnya dengan batang ruyung.

Jadi sebab itulah nama negeri tersebut dipanggil Pagar Ruyung. Anak Raja tadi dikatakan asal raja Pagar Ruyung yang berketurunan memerintah negeri tersebut. Raja Melewar yang dijemput datang ke Negeri Sembilan pada 1773 itu menurut riwayatnya adalah keturunan anak raja tadi.

### Hukum Adat dan Agama

Di Negeri Sembilan, kita tidak dapat memisahkan mengenai tarikh kemasukan adat dan agama yang diketahui penyerapan adat itu adalah selari dengan penyampaian ajaran Islam. Kata-kata "adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah" telah diterima serentak.

Walaupun dikatakan dalam sejarah, pengaruh Islam pada Kerajaan Melayu Hindu di Melaka berlaku lebih awal zamannya daripada kedatangan peneroka-peneroka Minangkabau, tetapi belum ada tanda-tanda yang menunjukkan pengajaran Islam sudah mempengaruhi puak-puak primitif penduduk pendalam di Negeri Sembilan ketika kedatangan peneroka itu.

Apa yang dapat dikesan ialah kehidupan puak-puak primitif itu adalah se-derhana, mereka berumah tangga dan bertani, dan mengamalkan cara hidup animisma di bawah pengawasan ketua-ketua mereka.

Sebenarnya kata-kata "adat bersendi syarak atau kata-kata adat yang lain itu" bukan diterima bulat-bulat seperti mana yang telah sedia ada di tempat asalnya Minangkabau. Ada yang menerima setelah dipadankan dengan keadaan tempatan di Negeri Sembilan. Sebab itulah aturan adat tiap-tiap luak walaupun sama-sama tetapi tertakluk atau berdasarkan aturan adat di tempat itu sendiri.

Umpamanya cara pemilihan Datuk-datuk Undang, cara yang dilakukan di Johol berbeza sekali dengan apa yang dilakukan di Jelebu, Sungai Ujung dan Rembau. Demikian juga dengan gelaran datuk-datuk lembaga suku. Gelaran lembaga suku Batu Hampar di Rembau tidak sama dengan gelaran Batu Hampar yang terdapat di Seri Menanti.

Sebutan Adat Perpatih Negeri Sembilan pada hakikatnya, bila sampai di luak-luak berkenaan, adat itu lebih sesuai dengan sebutan adat luak itu, seperti Adat Johol, Adat Jelebu, Adat Sungai Ujung dan Adat Rembau saja.

---

(25) Di Pagar Ruyung terdapat batu bersurat tulisan Jawa Kuno bertarikh tahun 1278 yang mengesahkan kedatangan Aditiawarman.

Mengenai Hukum adat dan agama, kedua-duanya telah disesuaikan dan dirangkum sebutannya menjadi satu ungkapan. Dari itu ternampak bahawa kedua-duanya hampir-hampir seiring. Mana-mana yang dijalankan bagi memelihara negeri dinamakan aturan adat, dan yang secara agama dinamakan hukum syarak.

Hakikatnya terdapatlah kata-kata “Aturan Adat itu ibarat cermin yang tidak kabur, pelita yang tidak padam dan hukum syarak itu ibarat suluh yang terang”. Mana-mana aturan adat yang baik dan banyak memberikan faedah kepada rakyat serta bersesuaian dan banyak memberikan faedah kepada rakyat serta baik dan tidak menyalahi hukum syarak, maka dikenalkan pemakaianya.

Kemudian terbentuklah kata-kata “kuat adat tak gaduh hukum, kuat hukum tak gaduh adat. Adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik; syarak menyuruh berbuat baik, meninggalkan berbuat jahat”.

Adat berpanas, syarak berlindung,  
Syarak mengata, adat memakai,  
Adat dan Syarak sandar menyandar,  
Ibarat aur dengan tebing,  
Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.

Di setengah-setengah kampung bila masjid didirikan, jawatan-jawatan pegawai masjid seperti Imam, Khatib dan Bilal ditentukan sebagai jawatan yang diwariskan kepada mereka yang dalam sesuatu suku kawasan masjid itu. Tegasnya apabila seseorang pegawai itu berhenti, gantinya dipilih daripada mereka yang di dalam suku yang sama. (26)

Peraturan ini di setengah-setengah tempat ada yang tidak mengamalkannya lagi tetapi ada yang masih mengamalkannya. Ini menunjukkan bagaimana rapatnya kaitan adat dan agama dalam masyarakat Adat Perpatih pada masa silam.

Pendeknya bila ada aturan adat, maka di situ adalah hukum syarak. Demikianlah sebaliknya, bila ada hukum syarak ada pula aturan adat. Itu yang dikatakan, “Syarak mengata adat memakai”. Ini terbukti dalam istiadat nikah-kahwin, kenduri kendara, hidup mati dan lain-lain di dalam kehidupan hari-hari.

Sebagaimana yang dinyatakan, Sejarah Negeri Sembilan semenjak alam Negeri Sembilan beraja, iaitu apabila Raja Melewar ditabah menjadi Yang di Pertuan, penduduk-penduduk Negeri Sembilan telah berasa bertuah kerana berjaya mendirikan kedaulatan rajanya seperti kata “tidak beraja ke Johor lagi cuma bertali ke Siak dan bertuan ke Minangkabau.”

Namun demikian, sebarang perbalahan dalam luak-luak yang tidak dapat diselesaikan, rujukan tertumpu kepada Maharaja Johor seperti yang tercatit dalam Perjanjian yang dibuat pada 23hb. November, 1876 antara Yang di Pertuan Tuanku Antah dengan Penghulu-penghulu Luak Johol, Ulu Muar, Jempul, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.

Dalam perjanjian itu juga Penghulu-penghulu luak yang enam tersebut mengaku dan menerima Tunku Antah sebagai “Yang Di Pertuan Seri Menanti” di hadapan Gabenor Inggeris Negeri-negeri Selat.

---

(26) Sekarang ini pemilihan Imam, Khatib dan Bilal tidak tertakluk pada keturunan suku lagi. Sesiapa pun boleh dilantik dan ditentukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Orang yang akan dilantik itu diberi tauliah dan tidak boleh sebarang orang.

Ada juga tempat yang masih mahukan orang dari suku mereka dilantik oleh pihak berkuasa. Ini dipertimbangkan berdasar pada kebolehan dan kelulusan orang itu.

Inilah Perjanjian Inggeris yang pertama muncul yang mengaitkan "Yang Di Pertuan" dalam politik Negeri Sembilan. Takhta yang diperolehi itu sangat menjadi idaman anak-anak Raja Pagar Ruyung dan menjadi pergelakan politik dalam negeri yang amat hebat.

Berkaitan dengan itu, maka bolehlah dipersoalkan dan dijadikan tanda tanya iaitu siapakah yang sebenar dan mula-mula menjemput anak Raja Pagar Ruyung menjadi Raja di Negeri Sembilan dan disemayamkan di Seri Menanti "Tanah Mengandung".

Menurut cerita, Penghulu-penghulu luak yang membuat jemputan itu adalah terdiri daripada:

Penghulu Luak Sungai Ujung,  
Penghulu Luak Rembau,  
Penghulu Luak Johol.

Menurut Tulisan D.F.A. Hervey, seorang pentadbir Inggeris yang bertugas di Negeri Sembilan pada tahun 1883 yang membuat penyelidikan sejarah pada masa itu menyatakan bahawa Penghulu Luak yang keempat itu adalah Penghulu Luak Muar, maka keempat-empat Penghulu Luak itu disebutkan sebagai "Penghulu Berlantik".

Oleh kerana takhta yang diperolehi itu sangat menjadi rebutan anak-anak Raja keturunan Pagar Ruyung, maka campur tangan penjajah Inggeris dalam politik Negeri Sembilan memberi kesan yang besar.

Enam Penghulu Luak yang mula-mula bersatu melantik dan menabalkan Raja yang keenam iaitu Tuanku Antah yang bergelar "Yang di Pertuan Seri Menanti" seperti yang tercatit dalam perjanjian di hadapan wakil Kerajaan Inggeris yang termetri pada 23hb. November. 1876 itu adalah terdiri daripada Penghulu Luak Johol, Penghulu Luak Ulu Muar, Penghulu Luak Jempul, Penghulu Luak Terachi, Penghulu Luak Gunung Pasir dan Penghulu Luak Inas. (27)

Pada 4hb. Jun. 1887 Yang di Pertuan Antah dengan kereaan Penghulu-penghulu luak yang tersebut membuat satu lagi Perjanjian dengan Gabenor Inggeris Negeri-negeri Selat memperkenankan perlantikan Tuanku Besar Muhamad, anak-anda kepada Yang Di Pertuan Antah sebagai ganti baginda.

Seterusnya pada 29hb. April. 1898, atas pengaruh penjajah Inggeris lagi, maka perjanjian dibuat pula dengan Gabenor Inggeris Negeri-Negeri Selat dimana Yang Di Pertuan Seri Menanti, Tuanku Muhamad telah di Persetujui menjadi Yang Di Pertuan Besar oleh Penghulu-penghulu luak Sungai Ujung, Rembau, Jelebu dan Johol bagi keseluruhan sembilan luak di Negeri Sembilan yang terdiri dari Luak Sungai Ujung, Luak Johol, Luak Rembau, Luak Jelebu, Luak Ulu Muar, Luak Jempul, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas.

Menurut kuatkuasa Perjanjian ini, berkibarlah panji-panji Inggeris dan Negeri Sembilan pun telah tertakluk oleh penjajahan dengan memakai Penasihat Inggeris yang bergelar British Resident.

Namun demikian, Adat Perpatih itu tetap tidak luput kerana taat setia yang tidak berbelah bagi dengan semangat purba masih kuat yakni berpantang menduaikan pedang pemancung seperti kata pepatah:

"Adat tidak berubah.  
Perjanjian tidak beralih,  
Setia tidak bertukar".

(27) Petikan dari kertas kerja berjudul: "Seimbas Lalu Pensejarahan dan Adat Perpatih Negeri Sembilan: Kritik dan Kerisis adat yang tak akan kunjung habis", yang dibentangkan dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, di Seremban pada 9hb.-12hb. April, 1974.